

# **AGENSI PENETAPAN HARGA BON ASEAN+3 BUKAN KELAB EKSKLUSIF, KATA KETUA BPAM**

*Bernama Media – Thu, Nov 22, 2012 9:59 PM MYT*

BANGKOK, 22 Nov (Bernama) – Kerjasama antara tiga agensi penetapan harga bon swasta dari Thailand, Indonesia dan Malaysia bukan bertujuan untuk mewujudkan sebuah kelab eksklusif, kata Ketua Pegawai Eksekutif Bond Pricing Agency Malaysia Sdn Bhd (BPAM) Meor Amri Meor Ayob.

Sebaliknya, Meor Amri berkata, agensi-agensi berkenaan mengalu-alukan yang lain untuk menyertai inisiatif swasta ini dalam meningkatkan pembangunan pasaran pendapatan tetap sesama rantau.

"Kerjasama ini bertujuan untuk menggalakkan perdagangan dan pelaburan rentas sempadan dalam pasaran pendapatan tetap Asean+3," kata beliau kepada Bernama selepas pemeteraian perjanjian dengan Persatuan Pasaran Bon Thai (ThaiBMA) dan Indonesia Bond Pricing Agency (IBPA) di sini hari ini.

Beliau berkata peringkat pertama kerjasama itu akan termasuk rangkaian merentas pautan web antara tiga agensi untuk meningkatkan profil organisasi dalam setiap pasaran serta menyediakan maklumat pasaran yang berguna dan relevan kepada peserta domestik.

"Semua boleh mendapat manfaat daripada inisiatif ini bukan sahaja peserta besar seperti pembeli dan penjual tetapi juga pihak berkepentingan lain dalam pasaran bon dan sukuk seperti penyelidik dan penganalisis," katanya.

Perjanjian itu ditandatangani pada mesyuarat Forum Pasaran Bon Asean+3 ke-10 di sini.

Meor Amri berkata, fasa seterusnya kerjasama berkenaan akan melibatkan perjanjian bagi pengedaran harga dinilai dan data premium yang lain atau pencadang dasar bayaran.

Asean+3 meliputi 10 negara anggota Asean (Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Vietnam, Filipina, Singapura dan Thailand) ditambah tiga rakan dialognya (China, Jepun dan Korea Selatan).

Beliau berkata pasaran pendapatan tetap biasanya melibatkan perdagangan di kaunter antara penjual dan pembeli dan telah dianggap sebagai tidak telus sebagai pasaran ekuiti. Bagaimanapun, dengan kerjasama itu, semua pihak yang berkepentingan boleh mengakses maklumat tentang pasaran bon dan sukuk dalam ketiga-tiga negara, katanya.

BPAM kini merupakan satu-satunya agensi penentapan harga bon berdaftar yang diiktiraf oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk pasaran pendapatan tetap keempat terbesar di Asia dan pasaran sukuk terbesar di dunia.

Ia menyediakan penyelesaian sehenti yang memberikan perkhidmatan data bon dan penetapan harga yang dinilai di pasaran pendapatan tetap Malaysia kepada lebih 100 institusi kewangan tempatan dan antarabangsa. Pasaran bon Malaysia bernilai hampir RM1 trilion pada masa ini.

Presiden ThaiBMA, Niwat Kanjanaphoomin berkata penyebaran maklumat mengenai pasaran bon di tiga negara dapat menggalakkan lagi pasaran bon di rantau ini.

"Pelabur-pelabur boleh mengakses maklumat asas di pasaran bon dalam tiga negara melalui inisiatif itu dan ia merupakan situasi menguntungkan kepada pelabur dan peserta pasaran bon di rantau ini," katanya.

Niwat menjangka lebih banyak agensi penentuan harga bon di rantau ini menyertai inisiatif ini tidak lama lagi.

Selain daripada memainkan peranan pengawalseliaan dalam pasaran bon Thai, ThaiBMA juga bertindak sebagai agensi penentuan harga bon bagi industri manakala IBPA yang merupakan subsidiari Bursa Saham Indonesia menyediakan penentuan harga bon dan sukuk dan maklumat bagi pasaran sekuriti Indonesia.

-- BERNAMA